

HELAIAN FAKTA NOTIS POLISI PERTUKARAN ASING - AKAUN LUAR (INDIVIDU)

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

APAKAH NOTIS POLISI PERTUKARAN ASING?

Notis Polisi Pertukaran Asing ("Notis FEP") merupakan beberapa peraturan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk melindungi nilai Ringgit Malaysia ("Ringgit").

Anda dinasihatkan supaya membaca dan memahami Notis-notis FEP serta memastikan segala aktiviti yang dijalankan untuk akaun yang diselenggara dengan Hong Leong Bank Berhad dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("Bank") mematuhi Notis-notis FEP setiap masa.

ADAKAH ANDA PEMASTAUTIN ATAU BUKAN PEMASTAUTIN?

Peraturan-peraturan menurut Notis-notis FEP adalah berbeza antara Pemastautin dengan Bukan Pemastautin.

Takrif BNM tentang Pemastautin dan Bukan Pemastautin dibentangkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sila rujuk jadual di bawah (untuk panduan):

| Kewarganegaraan | Status Pemastautin Tetap sebuah negara di luar Malaysia | Tempoh masa bermastautin di luar Malaysia | Status Kemastautinan | Kewarganegaraan | Status Pemastautin Tetap di Malaysia | Tempoh masa bermastautin di Malaysia | Status Kemastautinan |
|----------------------|---|---|----------------------|----------------------------|--------------------------------------|--------------------------------------|----------------------|
| Warganegara Malaysia | Tidak | N/A | Pemastautin | Bukan Warganegara Malaysia | Tidak | N/A | Bukan Pemastautin |
| | Ya | >182 hari* | Bukan Pemastautin | | Ya | >182 hari* | Pemastautin |
| | | <182 hari* | Pemastautin | | | <182 hari* | Bukan Pemastautin |

*Pengiraan 182 hari adalah berdasarkan setiap tahun kalendar dan tidak semestinya secara berterusan.

APAKAH AKAUN LUAR?

Jika anda pelanggan Bukan Pemastautin, apa-apa akaun Ringgit yang anda selenggara dengan Bank akan dikelaskan sebagai Akaun Luar. Akaun Luar boleh dibuka:

- secara individu oleh pelanggan Bukan Pemastautin;
- secara bersama antara pelanggan individu yang semuanya Bukan Pemastautin;
- secara bersama antara pelanggan Bukan Pemastautin individu dengan pelanggan Pemastautin individu; (Perhatian: Akaun bersama pelanggan Bukan Pemastautin dengan pelanggan Pemastautin yang merupakan pasangan sah di sisi undang-undang tidak dikelaskan sebagai Akaun Luar)
- Dalam Amanah untuk atau bagi pihak benefisiari Bukan Pemastautin (cth. 3-in-1 Akaun Junior/-i dan Akaun Simpanan Junior/-i).
- (Perhatian: Jika benefisiari itu merupakan Pemastautin, Akaun Amanah itu tidak dikelaskan sebagai Akaun Luar).

APAKAH PERATURAN YANG TERPAKAI KEPADA AKAUN LUAR?

Sebagai pemegang Akaun Luar, akaun anda akan tertakluk kepada keperluan, sekatan dan syarat seperti dinyatakan dalam Notis FEP yang dikeluarkan oleh BNM.

Pengoperasian, sumber dan penggunaan dana keluar masuk Akaun Luar dikecualikan daripada pengesahan lebih lanjut oleh Bank bagi transaksi berikut:

- RM10,000 setiap transaksi bagi apa-apa tujuan; atau
- Apa-apa amaun bagi:
 - (i) Pengeluaran tunai melalui kaunter; atau
 - (ii) pindahan antara Akaun Luar pemegang akaun yang sama.

Bank akan memerlukan dokumen sebagai bukti selaras dengan proses penilaian wajar Bank demi memastikan pematuhan Notis FEP bagi transaksi yang tidak disebut secara khusus seperti di atas.

Bagaimanapun, sekatan yang dikenakan itu tidak terpakai kepada hal-hal berikut:

- Pelanggan Bukan Pemastautin yang menyertai Program "Malaysia My Second Home"; atau
- Pelanggan Bukan Pemastautin yang bekerja atau belajar di Malaysia (mempunyai permit kerja sah atau pas pelajar dan visa) termasuk pasangan pelanggan, anak atau ibu bapa yang tinggal bersama-sama mereka di Malaysia.

PENTING:

Maklumat dalam dokumen ini bukanlah bertujuan untuk serba lengkap dan adalah sekadar panduan umum bagi pelanggan. Anda dihasiatkan supaya membuat rujukan kepada Notis-notis FEP yang lengkap dan terkini, yang boleh diakses di laman web Bank Negara Malaysia (BNM) melalui www.bnm.gov.my.